


GARIS PANDUAN PERANCANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



HOTEL BAJET



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1.	TUJUAN	3
2.	OBJEKTIF	3
3.	SKOP	4
4.	DEFINISI	4
5.	GARIS PANDUAN HOTEL BAJET OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN	5 – 13
6.	TARIKH KUAT KUASA	14

GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

1.0 TUJUAN

- Garis panduan ini bertujuan menjelaskan keperluan-keperluan perancangan bagi pembangunan hotel bajet di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 OBJEKTIF

- Memastikan pembangunan hotel bajet menepati keperluan asas perancangan bagi tujuan keselamatan dan keselesaan.
- Memastikan pembangunan hotel bajet bersesuaian dengan pembangunan sekitar/bersebelahan.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

3.0 SKOP

- Garis panduan ini digunakan bagi mempertimbangkan permohonan kebenaran perancangan ke atas cadangan pembangunan baru serta penukaran kegunaan bangunan sedia ada kepada aktiviti hotel bajet.

4.0 DEFINISI

- “Hotel Bajet” ditakrifkan sebagai premis yang menyediakan penginapan pada harga yang rendah kepada pelancong untuk tujuan istirehat, membersihkan diri dan pakaian serta tempat menjalankan aktiviti berkumpulan.
- “Back Packers” ditakrifkan sebagai pelancong asing atau tempatan yang mengembara atau bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dengan hanya berbekalkan kelengkapan diri yang asas di bawa menggunakan beg galas persendirian.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

5.0 GARIS PANDUAN HOTEL BAJET OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN

- Kementerian Pelancongan mendefinisikan Hotel Bajet terdiri daripada Hotel 1 bintang, Hotel 2 bintang dan Hotel Orkid. Hotel Orkid terbahagi kepada 3 kategori iaitu Orkid 1, Orkid 2, Orkid 3 .
- Kategori orkid 3 adalah kategori hotel yang menyediakan kemudahan tandas dan bilik mandi dalam bilik.
- Garis panduan ini menentukan status atau kelas penginapan dengan penetapan harga tertentu berdasarkan kepada kualiti dan kuantiti kemudahan yang ditetapkan.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

Garis Panduan Hotel Bajet Baru

1. Lokasi

Pembangunan Hotel Bajet boleh dipertimbangkan di lokasi seperti berikut:

a. Pusat Bandar Raya

b. Pusat Perdagangan Utama

(Bangsar, Pusat Bandar Damansara, Taman Tun Dr. Ismail, Sri Hartamas, Bandar Manjalara, Kepong, Sentul Raya, Batu Cantonment, Wangsa Maju, Maluri, Chan Sow Lin, Bandar Tun Razak, Taman Segar, Alam Damai, Puchong, Kerinchi, Sri Petaling, Bukit Jalil, Bukit Indah)

c. Zon Perancangan Transit

2. Zon Guna Tanah

Pembangunan Hotel Bajet boleh dipertimbangkan di kawasan zon guna tanah berikut:

- Perdagangan Pusat Bandar Raya (CCC)
- Perdagangan Utama (MC)
- Perdagangan (C)
- Perdagangan Bercampur (MX)

Nota: Aktiviti hotel bajet perlu pengawalan teliti di zon perdagangan tempatan.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

3. Susunan Lantai Bilik

- Saiz bilik minima bagi hotel bajet yang menyediakan kemudahan bilik air dalam bilik adalah sekurang-kurangnya 100 kp. Bagi hotel bajet yang menyediakan bilik air secara berasingan, saiz bilik minima adalah tidak kurang daripada 64 kp. Bilik bersaiz 64kp adalah untuk 1 katil sahaja.
- Peralatan bilik air yang perlu disediakan adalah sinki diperbuat daripada bahan tahan lasak dan praktikal.
- Setiap bilik dan laluan atau koridor perlu dilengkapi dengan sistem pengudaraan dan pencahayaan sempurna (semulajadi atau mekanikal).
- Laluan atau koridor perlu dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) dengan pengawasan 24 jam.
- Mempunyai sekurang-kurangnya dua laluan tangga kecemasan.
- Kelebaran minima bagi laluan atau koridor adalah 4 kaki.
- Dinding pemisah bilik hendaklah terdiri daripada 'drywall'.
- Perlu mematuhi syarat-syarat Jabatan Bomba.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET



4. Kemudahan Penginapan

- Penyediaan kemudahan penginapan adalah berasaskan kepada bilangan bilik iaitu:-
 - Kemudahan Yang Perlu Disediakan
 - i. Kurang dari 50 bilik
Kaunter pendaftaran dan ruang menunggu.
 - ii. 50 bilik hingga 100 bilik
Kaunter pendaftaran, ruang menunggu, ruang makan dan minum serta ruang untuk “lay by bus/coach”.
 - iii. Melebihi 100 bilik
Kaunter pendaftaran, ruang menunggu, ruang makan dan minum serta ruang letak bas pelancong (kadar 1 petak/100 bilik) dan bilik solat (keluasan minima 400 kaki persegi)



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET



Nota:

- a. Keperluan kemudahan ini juga terpakai bagi hotel bajet di bangunan sedia ada.
- b. Kemudahan-kemudahan berbentuk persidangan tidak digalakkan di bangunan hotel bajet.
- c. Keluasan ruang makan dan minum hendaklah sekadar memenuhi keperluan penginap dalam hotel sahaja.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET



5. Kawalan Aktiviti Hotel Bajet Dalam Pembangunan Bercampur

- Perlu mempunyai laluan masuk khusus seperti tangga dan lif yang tidak berkongsi dengan aktiviti-aktiviti lain dalam bangunan yang sama.
- Tidak digalakkan hotel bajet yang bersebelahan atau terlalu hampir dengan aktiviti-aktiviti pendidikan seperti kolej, sekolah, sekolah swasta, pusat tuisyen dan lain-lain.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

6. Keperluan Tempat Letak Kenderaan

- Bagi pembangunan hotel bajet yang menggunakan bangunan perdagangan sedia ada, keperluan tempat letak kenderaan adalah berdasarkan piawaian tempat letak kenderaan bangunan asal.
- Bagi pembangunan hotel bajet yang berkonsepkan rumah kedai, keperluan tempat letak kenderaan adalah berdasarkan kadar tempat letak kenderaan pembangunan rumah kedai.

Rujuk Garis Panduan Piawaian Tempat Letak Kenderaan Pembangunan Rumah Kedai.

- Kadar keperluan tempat letak kenderaan hotel bajet di bangunan khusus (dedicated building) adalah berdasarkan kadar keperluan untuk hotel.

Rujuk Garis Panduan Piawaian Tempat Letak Kenderaan Pembangunan Hotel.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

Keperluan Tambahan Bagi Hotel Bajet Di Bangunan Sedia Ada

1. Mengadakan ruang koridor berterusan dengan bukaan (opening) di kedua-dua penghujung.
2. Fasad bangunan sedia ada hendaklah dipertingkatkan seperti mengecat semula serta menggantikan bahan-bahan binaan pada fasad yang telah usang.
3. Bagi hotel-hotel lama yang pernah dilesenkan sebelum garis panduan baru digunapakai, penyediaan bilik air/tandas ditentukan pada kadar minima 1 bilik air/tandas bagi setiap 4 bilik penginapan.
4. Bagi konsep 'dormitory' penyediaan bilik air/tandas ditentukan pada kadar minima 1 bilik air/tandas bagi setiap 8 orang.
5. Lebar laluan/koridor hendaklah tidak kurang 4 kaki.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET



Keperluan Hotel Bajet Berdasarkan Keputusan MNKT BIL 2/2007

- Penyelarasan Kelulusan Hotel Bajet Sedia Ada
 - Penyelarasan kelulusan kepada pengusaha hotel bajet sedia ada merupakan satu usaha untuk memberikan kelulusan perancangan bagi premis-premis hotel bajet yang telah beroperasi sebelum tarikh 2hb. Oktober 2007. Pada tarikh tersebut, Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 59 telah meluluskan kelonggaran syarat-syarat rekabentuk untuk tujuan keselamatan kebakaran bagi hotel bajet sedia ada.
 - Walau bagaimanapun penyelarasan kelulusan ini perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan dalam Arahan Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 2/2007 yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba bagi melaksanakan keputusan MNKT ke 59 tersebut.
 - Di samping itu juga penyelarasan kelulusan ini hanya terpakai bagi hotel bajet sedia ada yang pernah mendapat lesen premis hotel bajet.



GARIS PANDUAN PERANCANGAN HOTEL BAJET

6.0 TARIKH KUATKUASA

- ❑ Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014.

